

27 JUN 2000

OIC-Ucapan (Reaksi)/I

DR MAHATHIR SEORANG PEMIMPIN ISLAM YANG BERWAWASAN DAN BERANI

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini dipuji sebagai seorang pemimpin Islam yang berwawasan dan berani kerana sumbangannya kepada kemajuan Islam dan usaha beliau untuk menjadikan Malaysia sebagai kebanggaan dunia Islam.

Dr Mahathir juga disanjung sebagai seorang negarawan oleh wakil kumpulan Afrika, Arab dan Asia dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

"Kejayaan Malaysia di bawah kepimpinan beliau telah menjadi contoh untuk diikuti negara-negara Islam yang lain," kata mereka dalam ucapan balas kepada ucapama Perdana Menteri semasa merasmikan sesi ke-27 Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam (ICFM) di sini hari ini.

Menteri Luar Pakistan Abdul Sattar yang mewakili kumpulan Asia berkata Perdana Menteri dalam ucapannya telah mengingatkan umat Islam mengenai pentingnya memiliki pengetahuan, sains dan teknologi moden.

Ini penting untuk mempertahankan negara-negara Islam, bukan sahaja dalam politik dan ekonomi, "tetapi juga terhadap multinasional yang tidak beretika dan bersifat mengeksploitasi," katanya.

Di dalam memuji Malaysia, Abdul Sattar berkata ia berjaya menggubal strategi mereka sendiri untuk menghadapi cabaran kepada ekonomi mereka.

Malaysia, katanya, telah bangkit sebagai sebuah negara Islam yang dinamik, progresif dan moden.

"Kita berkongsi kebanggaan rakyat Malaysia di dalam pencapaian mereka dan kerana mengadakan satu contoh untuk diikuti negara Islam yang lain. Ia mengingatkan kita bahawa kita juga berupaya untuk membangunkan dasar-dasar yang sewajarnya bagi membantu diri kita sendiri," katanya.

Menteri Luar Senegal Cheikh Tidiane Gadio yang mewakili kumpulan Afrika memuji Malaysia kerana mengekalkan usaha dan memanfaatkan semua faktor ekonomi bagi kemajuan dan pembasmian kemiskinan.

Di bawah kepimpinan Dr Mahathir, beliau berkata Malaysia telah memberikan sumbangan yang besar kepada aktiviti ICFM-OIC.

Wakil kumpulan Arab, Duta Oman Mustag Abdullah Al-Salih berkata beliau berkongsi pandangan Dr Mahathir dan bersetuju dengan gesaan beliau supaya negara-negara Islam mencapai kemajuan.

-- BERNAMA

SHO AKD